

# Graduan UMS mampu laksanakan program impak tinggi pembangunan di Sabah, kata Ghani

**NABAWAN:** Graduan yang dilahirkan oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS) sejak ia ditubuhkan dan bertapak di Sabah berkeupayaan melaksanakan program berimpak tinggi terhadap pembangunan di negeri ini.

Ketua Umno Bahagian Pensiangan Datuk Abdul Ghani Datuk Yassin berkata, ia sekali gus membantu meningkatkan kualiti sosio ekonomi masyarakat Pedalaman sebagai persediaan menghadapi arus perubahan dunia tanpa sempadan dan era digital.

Ghani berkata, demikian semasa berucap merasmikan Program "Outreach" Salarom Taka 2 2010 anjuran Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS dengan kerjasama Jabatan Pelajaran Negeri Sabah yang berlangsung di dewan rumah panjang Kg. Salarom Taka pada Jumaat lepas.

"Tidak dapat dinafikan program ini memberi pendedahan awal kepada pelajar luar bandar akan peranan institusi pendidikan dan peluang-peluang yang ada," katanya.

Katanya, ia juga akan mengeratkan hubungan interaksi antara pihak sekolah, ibu bapa dan masyarakat keseluruhannya.

Ghani yang juga Timbalan Pengerusi

Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah (LKTNS) berkeyakinan, untuk merealisasikan hasrat ini, peranan Alumni UMS khususnya di kawasan Pedalaman akan menjadi sumber yang boleh dimanfaatkan oleh Universiti dengan harapan komuniti ini dapat menyumbang kepada kecemerlangan Universiti ke mercu yang lebih tinggi seiring dengan visi dan misi serta matlamatnya.

Dalam masa yang sama katanya, melalui program pendedahan pendidikan yang dilaksanakan dengan jayanya oleh UMS akan membantu menyediakan penyebaran maklumat berkaitan pendidikan sosio ekonomi bagi komuniti setempat selain mendidik masyarakat setempat khususnya belia mendapat terhadap peluang-peluang dalam membangun potensi komuniti terutama meningkatkan kemahiran belajar dalam akademik dan kokurikulum.

Ghani turut menyeru semua pihak khususnya Alumni UMS yang berada di kawasan Pedalaman supaya terus bersama mengembling tenaga kepakaran masing-masing untuk terus membangun pendidikan di negara ini selaras dengan pelbagai usaha kerajaan melalui kementerian pendidikan dalam memastikan pendidikan

adalah keutamaan dalam mencorakkan masa depan negara yang maju dalam pelbagai bidang.

Beliau juga mengalu-alukan agar usaha murni ini diteruskan oleh Alumni UMS dari masa ke semasa dalam memastikan lebih ramai pelajar luar bandar berpeluang menyertai program ini.

Hadir sama Pensyarah Kanan UMS merangkap penyelar program dan Ketua Program Pendidikan dan Ekonomi Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial UMS Dr. Khalid Johari; Pengarah Jawatankuasa Kerja Program Scaling Up Education In Community, Hussin Basir; Penyelaras Penaja Alumni UMS (Keningau), Francis Andin; Timbalan Ketua Umno Bahagian Pensiangan, Ahuar Rasam; Pegawai Kemajuan Masyarakat (CDO) Nabawan, Barahim Andipoh; Ketua Anak Negeri Pensiangan Zainuddin Ampat Tahol, Ketua Kampung Salarom Taka Mandaun Ampungit dan beberapa Pensyarah UMS yang terlibat.

Kira-kira 100 terbabit dalam program itu terdiri dari pelajar sekitar daerah Nabawan dan ibu bapa.

Program berkenaan adalah lanjutan daripada program yang telah diadakan pada Mei lalu di tempat yang sama.